

HM 16/8/2020 (9)

Gergasi teknologi minat bantu Malaysia

Johor Bahru: Gergasi teknologi dunia seperti Microsoft, Google dan Amazon menunjukkan minat dalam membantu Malaysia memajukan bidang teknologi, kata Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau mendedahkan baru-baru ini mengadakan perbincangan dalam satu pertemuan dengan wakil gergasi teknologi dunia berkenaan.

Katanya, Microsoft, Google dan Amazon berminat bukan sahaja untuk membantu Malaysia memajukan bidang teknologi malah mahu menjadikan negara sebagai pusat serantau atau hab teknologi maklumat.

“Namun perkara pokok kita yang utama bagaimana mahu memperluaskan lagi rangkaian Internet kita di seluruh pelusuk negara.

“Sebagai contoh kejadian

ada pelajar kita di Sabah yang terpaksa bermalam di atas pokok kerana mencari rangkaian internet perlu dibaiki lagi,” katanya ketika sesi soal jawab selepas merasmikan Majlis Perjumpaan Bersama Penjawat Awam Johor di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohamad; Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Ketua

Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Azmi Rohani.

Jun lalu, video tular seorang pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Veveonah Mosibin, 18, memanjat pokok di kampungnya di Pitas, Sabah bagi mendapatkan talian Internet untuk menduduki peperiksaan dalam talian mendapat reaksi positif netizen.

